



جباتن كحاكين شرعية مليسيا

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA
DEPARTMENT OF SYARIAH JUDICIARY MALAYSIA
Blok C, Kompleks Islam Putrajaya
No. 20, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 603-8870 9200 / 9201
Faks : 603-8870 9500
Portal Rasmi : www.jksm.gov.my

Ruj. Kami : JKSM.100-1/6/3 Jld. 2 (03)
Tarikh : 30 Januari 2018
Takwim : 13 Jamadilawal 1439H

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN

السَّلَامَةُ عَلَيكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YA Datuk/Dato'/Prof. Adjung Dato' Dr./Tuan/Puan,

ARAHAN KETUA PENGARAH (PENTADBIRAN) BILANGAN 1 TAHUN 2018 KEBENARAN PULANG AWAL SATU JAM BAGI PEGAWAI WANITA MENGANDUNG, JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA

Dengan hormatnya saya ingin menarik perhatian YA Datuk/Dato'/Prof. Adjung Dato' Dr./tuan/puan kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana maklumat YA Datuk/Dato'/Prof. Adjung Dato' Dr./tuan/puan, Kerajaan sentiasa prihatin dan memberi perhatian berterusan terhadap pegawai wanita dalam Perkhidmatan Awam. Terkini, melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2017 (PP 11/2017), Kerajaan telah bersetuju memperkenalkan inisiatif kebenaran pulang awal satu jam kepada semua pegawai wanita lantikan kontrak dan tetap yang mengandungi lima bulan ke atas. Kemudahan ini turut dipanjangkan kepada suami pegawai wanita tersebut yang juga merupakan pegawai Perkhidmatan Awam dan bekerja di lokasi berdekatan serta pulang bersama-sama dengan isterinya.
3. Bagi memastikan kemudahan tersebut dapat dinikmati oleh pegawai dan kakitangan tanpa menjejaskan tugas hakiki, adalah dimaklumkan bahawa pelaksanaan kemudahan ini tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

...2/

SYARIAH ASAS KEADILAN



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
REG No. AR 3800


- 3.1 Pegawai dikehendaki memilih Waktu Peringkat (WP) 2, WP 3 dan **WP 4 bagi melayakkannya** menggunakan kemudahan ini. Pegawai JKSM yang ditempatkan di negeri-negeri (pegawai dari Bahagian Pendaftaran, Keurusetiaan dan Rekod (BPKR), Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) dan Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi (BTMK)) **dikecualikan** daripada syarat ini kerana tertakluk kepada pelaksanaan Waktu Bekerja Berperingkat (WBB) di negeri masing-masing;
 - 3.2 Borang permohonan bagi pegawai wanita JKSM yang mengandung (22 minggu dan ke atas) atau pegawai lelaki JKSM yang mana isterinya telah diberi kelulusan oleh Ketua Jabatan untuk menggunakan kemudahan ini perlulah **dikemukakan selewat-lewatnya seminggu sebelum kemudahan ini hendak digunakan** bagi melicinkan urusan pentadbiran pejabat. Walau bagaimanapun, tarikh kelulusan bagi kemudahan ini adalah tertakluk kepada keputusan pegawai pelulus; dan
 - 3.3 Pegawai di negeri-negeri (bagi waran perjawatan di Bahagian Pendaftaran, Keurusetiaan dan Rekod (BPKR), Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) dan Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi (BTMK)), **perlu mendapat sokongan daripada Penyelia/Ketua Jabatan di negeri masing-masing terlebih dahulu sebelum memanjangkan borang permohonan tersebut untuk kelulusan Pengarah Bahagian masing-masing di ibu pejabat.**
4. Selaras dengan para 7, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2017, pegawai yang menggunakan kemudahan **kebenaran untuk meninggalkan pejabat bagi tempoh empat jam** berdasarkan Surat Edaran JPA bertarikh 9 Disember 2009 adalah dianggap telah menggunakan kemudahan kebenaran pulang awal satu jam bagi hari tersebut. Ini kerana pengiraan tempoh empat jam adalah termasuk tempoh penggunaan kemudahan kebenaran pulang awal satu jam ini. Oleh yang demikian, pegawai berkenaan **perlu pulang pada waktu biasa berdasarkan WP asal** sekiranya pada hari tersebut pegawai telah diluluskan kebenaran untuk meninggalkan pejabat bagi tempoh empat jam.
5. Bagi memudahkan pelaksanaan kemudahan ini, sukacita dimaklumkan bahawa dengan ini, saya bersetuju untuk membuat perwakilan kuasa bagi memberi kelulusan ke atas permohonan kebenaran pulang awal satu jam di Jabatan ini seperti ketetapan berikut:

Penempatan	Kumpulan Perkhidmatan	Pegawai Penyokong	Pegawai Pelulus
Ibu Pejabat JKSM	Pengurusan dan Profesional	Pengarah Bahagian	Ketua Pendaftar Pengarah Kanan (Kehakiman) Pengarah Kanan (Pengurusan)
	Pelaksana	KPP	Pengarah Bahagian
BPKR, BSK dan BTMK di negeri-negeri	Pengurusan dan Profesional	Pegawai Penyelia di negeri	Pengarah Bahagian
	Pelaksana		

6. Arahan ini terpakai kepada pegawai dan kakitangan yang berkhidmat di JKSM dan yang berkhidmat di BPKR/BSK/BTMK negeri dan berkuat kuasa mulai 1 Februari 2018.

Sekian, terima kasih.

"SYARIAH ASAS KEADILAN"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"


(~~DATUK~~ ~~HJ.~~ MOKHYUDDIN BIN HJ. IBRAHIM)
Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia

s.k.:

Ketua Pendaftar

Pengarah Kanan (Kehakiman)

Pengarah Kanan (Pengurusan)

SENARAI EDARAN:

Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia

YA Datuk Aidi bin Moktar
Hakim Mahkamah Rayuan Syariah

YA Dato' Yusof bin Musa
Hakim Mahkamah Rayuan Syariah

YA Tuan Haji Saarani bin Ismail
Hakim Mahkamah Rayuan Syariah

YA Prof. Adjung Dato' Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar
Hakim Mahkamah Rayuan Syariah

YA Tuan Mohd Amran bin Haji Mat Zain
Hakim Mahkamah Rayuan Syariah

YA Dato' Haji Mohd Shukor bin Sabudin
Hakim Mahkamah Rayuan Syariah

YBhg. Dato' Pakar Rujuk

P(BPKR)

P(BL)

P(BTMK)

P(BSK)

P(BPSMP)

P(BDP)

P(BKPSM)

K(UI)

K(UKK)

Jabatan Kehakiman Syariah Negeri/Mahkamah Syariah Negeri

Tuan Haji Wan Abdul Malik bin Wan Sidek
Ketua Pendaftar
Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Terengganu

Tuan Ab. Rahman Thobroni bin Mohd Mansor
Ketua Pendaftar
Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perak

Tuan Abdul Karim Bin Mohd Nuli
Ketua Pendaftar
Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sarawak

Puan Ruzita binti Ramli
Ketua Pendaftar
Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan

Tuan Abu Suffian bin Abu Yaziz
Ketua Pendaftar
Mahkamah Syariah Negeri Melaka

Tuan Mohammad Zulkhairi bin Aziz
Ketua Pendaftar
Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perlis

Puan Noor Huda binti Roslan
Ketua Pendaftar
Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor

Puan Hasniah binti Hasan
Ketua Pendaftar
Jabatan Kehakiman Syariah Pulau Pinang

Tuan Sheikh Kamaruslan bin Mustapha
Ketua Pendaftar
Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah

Tuan Muhammad Khairul Nizzam bin Kassim
Ketua Pendaftar
Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan

Tuan Mohd Khair bin Zainal Abidin
Ketua Pendaftar
Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pahang

Tuan Mohd Hafiz bin Daud
Ketua Pendaftar
Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kelantan

Tuan Sahul Hamid Bin Moideen
Ketua Pendaftar
Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor

Puan Surayah binti Ramlee
Ketua Pendaftar
Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sabah